

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 02 April 2017 15:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MPN Anjur RTD Bincang Dasar Presiden Trump



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



02 APRIL 2017 / 05 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

MPN ANJUR RTD BINCANG DASAR PRESIDEN TRUMP



UUM ONLINE: Putrajaya - Kluster Politik, Keselamatan dan Pengajian Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (RTD) Siri 1/2017 bertajuk "Pentadbiran Trump: Isu dan Cabaran Kepada Malaysia" di Bilik Mesyuarat Eksekutif MPN di sini semalam.

RTD ini mengupas dan membincangkan dasar Presiden Amerika Syarikat (AS) ke-45, Donald Trump dalam aspek diplomasi dan keselamatan, serta politik ekonomi di rantau Asia Tenggara terutama kesannya kepada Malaysia.

RTD ini turut menyentuh mengenai hubungan AS-China, AS-Timur Tengah dan AS-Asia Tenggara serta melihat kesan dan kestabilan rantau Kesatuan Eropah (EU) selepas pilihanraya Perancis, Mei nanti.

Selain itu turut dibincangkan hala tuju dasar luar Malaysia terhadap dasar pentadbiran Presiden Trump yang dilihat berubah-ubah.

Antara yang menyertai RTD ini ialah Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak selaku Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Pengajian Antarabangsa MPN; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MPN, Prof Datuk Dr Raduan Che Rose; Timbalan Ketua Pengarah JPM, Dato Rani Ismail Hadi Ali dan Prof Dr Kamarulnizam Abdullah, Ahli Jawatankuasa Kluster Politik, Keselamatan dan Antarabangsa, MPN, selalu Pengerusi RTD.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.